

## Rebana Kercing Seni Warisan Yang Semakin Ditinggalkan

Ahmad Farhan Bin Che Mohd Amran

Norin Izati Binti Hussin

Azman Mat Isa

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### ABSTRAK

*Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan seni warisan budayanya yang pelbagai. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor dan antaranya ialah faktor kedatangan pedagang ke Tanah Melayu untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Kemasukan pedagang-pedagang ini telah menyebabkan terdapat banyak perkongsian budaya yang dibawa masuk ke dalam kehidupan masyarakat tempatan. Kelantan adalah antara negeri yang kaya dengan seni warisan kerana ia mempunyai Dikir Rebana Kercing, iaitu persembahan dikir yang melibatkan kanak-kanak dan orang dewasa. Kanak-kanak memikul tanggungjawab sebagai penari manakala orang dewasa pula bertanggungjawab sebagai pemalu rebana. Rebana Kercing giat dimainkan di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik asal-usul dan keistimewaan Dikir Rebana Kercing. Selain itu, ia juga untuk mengetahui samada Dikir Rebana Kercing masih dihargai oleh masyarakat tempatan. Bagi memenuhi objektif kajian, temubual bersama seorang pakar dalam bidang Rebana Kercing ini telah dijalankan.*

**Kata Kunci:** Warisan Budaya, Seni Persembahan, Tarian Tradisional, Dikir, Rebana Kercing.

## ABSTRACT

*Malaysia is a country rich in its diverse cultural heritage. One of the factors for its diverse cultural heritage is the arrival of traders from foreign countries who came to Tanah Melayu for trading and economic activities. The entry of these traders to Tanah Melayu has resulted in cultural exchange and assimilation into the life of local people. All states in Malaysia have their own cultural heritage. Kelantan is a state that is famous for its cultural heritage including Dikir Rebana Kercing which is a performance involving children and adults. Children act as dancers while adults take responsibility as musicians. This performance is famous and actively played in Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Therefore, the purpose of this study is to identify the origin and specialty of Rebana Kercing. Besides, this study aspired to investigate whether this performance is still appreciated by the local community. An interview was conducted to fulfill the objectives of the study.*

**Keywords:** Cultural Heritage, Performing Arts, Traditional Dance, Dikir, Rebana Kercing

## PENGENALAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji tentang warisan budaya yang ada di Malaysia. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Empat (2005) makna warisan ialah harta peninggalan atau sesuatu yang diwarisi manakala budaya bermaksud tamadun atau peradaban. Terdapat pelbagai jenis warisan budaya yang ada di negara kita termasuk seni persembahan. Hakikatnya, Malaysia amat dikenali dengan kekayaan serta keunikan sejarahnya. Setiap negeri di Malaysia mempunyai adat dan budaya yang tersendiri.

Umum mengetahui negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang mempunyai keunikan dari segi adat dan budayanya yang tersendiri (Nur Hazirah and Ros Mahwati, 2020). Negeri yang juga dikenali sebagai negeri Cik Siti Wan Kembang pada dahulunya, merupakan sebuah tempat pelabuhan yang penting di timur Tanah Melayu. Ia merupakan tempat persinggahan untuk pedagang-pedagang dari luar negara terutama dari China dan Arab. Hal ini

telah banyak mempengaruhi gaya kehidupan dari segi sosiopolitik dan ekonomi masyarakat di negeri Kelantan (Mohd Zahirwan dan Norhayati, 2018).

Seperti yang dinyatakan oleh Nur Hazirah and Ros Mahwati (2020), Kelantan merupakan negeri yang kaya dengan pelbagai budaya dan warisan. Antara seni warisan yang dimiliki oleh masyarakat negeri Kelantan ialah Dikir Rebana Kercing. Rebana bermaksud gendang yang dipasang kulit haiwan pada satu belah sahaja. Rebana diperbuat daripada kulit haiwan dan kayu tualang (Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (n.d)).

Permukaan rebana atau lebih dikenali sebagai belulang yang dipasang kulit haiwan itu biasanya menggunakan kulit kambing. Alat muzik ini secara amnya sudah lama bertapak di Malaysia. Rebana ini giat dimainkan oleh masyarakat pada zaman terdahulu. Sebagai contoh, dikir rebana ini dimainkan apabila sultan hendak beradu atau ketika masuknya waktu solat. Namun, pada masa kini, rebana telah banyak dipersembahkan di majlis perkahwinan dan sebagainya. Pemain rebana akan memainkan alatan muzik tersebut dengan meletakkan rebana di atas telapak kaki mereka semasa mereka sedang duduk bersila. Biasanya rebana mempunyai lima hingga tujuh orang pemain (Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, n.d)

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan bagi mendapatkan informasi yang lebih jelas tentang seni warisan Rebana Kercing yang menjadi daya tarikan istimewa terutamanya kepada penduduk setempat dan umum. Menurut Shamsuddin Rahim (2001), masyarakat umum masih lagi belum mengenali seni ini dengan lebih mendalam berikutan tiada pendedahan yang dilakukan secara terbuka oleh mana-mana pihak. Ini menjadikan Rebana Kercing tidak begitu menonjol jika dibandingkan dengan seni warisan yg lain kerana kekurangan informasi mengenai rebana itu sendiri. Kesannya, masyarakat tidak akan mengetahui apa itu Rebana Kercing. Ini menyebabkan seni warisan ini akan lupsus ditelan zaman. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, satu kajian telah dijalankan bertujuan untuk mendapatkan dan memelihara informasi daripada sumber yang sahih berkaitan sejarah seni warisan rebana kercing iaitu di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan.

Selain itu, Nervyn (2010) dalam laporan akhbar Borneo Post Online menyatakan bahawa pada masa kini, warisan budaya di Malaysia semakin dilupakan oleh generasi pada masa kini. Ini kerana generasi pada masa kini terlalu mengikut peredaran zaman. Generasi ini juga tidak didedahkan dengan kepentingan menghargai keistimewaan budaya tradisional. Selain itu, mereka juga mudah terikut-ikut dengan budaya dan kehidupan yang lebih moden yang dianggap lebih ke hadapan menyebabkan warisan yang telah pun ditinggalkan oleh orang dahulu kini kian menemui penghujungnya. Kesannya, pengekalan seni warisan ini tidak mampu meneruskan kesinambungan dalam memastikan Rebana Kercing ini setaraf dengan kewibawaan seni warisan yang lain. Oleh itu, untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan generasi pada masa kini tentang kepentingan memelihara identiti dan warisan budaya yang ada di Malaysia merupakan tujuan kepada kewujudan kajian.

Seterusnya, sejauh manakah pandangan dan fahaman masyarakat juga menjadi persoalan yang perlu dijelaskan dalam usaha memperkenalkan pementasan Dikir Rebana Kercing. Keadaan ini dinyatakan oleh Amir Nasir (2016) yang mengatakan bahawa pandangan masyarakat terhadap sesuatu seni muzik itu boleh diterjemahkan berdasarkan asal-usul kedatangan pedagang yang ingin menyebarkan syiar Islam. Keadaan ini dapat dilihat bagaimana pandangan umum terhadap Rebana Kercing hanyalah bermotifkan elemen-elemen Islamisasi yang telah pun wujud sejak berzaman lagi. Kesannya, penduduk tempatan tidak dapat mengenali seni warisan ini sebagai seni warisan yang seharusnya dikembangkan seperti seni warisan yang lain, tidak hanya terarah kepada metod untuk menyebarkan Islam sahaja. Oleh itu, amat penting bagi mendapatkan informasi dengan lebih jelas terhadap kebenaran kehadiran Rebana Kercing di Kampung Laut, Tumpat Kelantan yang mana penduduk dapat menilai sendiri kelebihan dan keunikan tersendiri yang dimiliki oleh Rebana Kercing seterusnya dapat meningkatkan ilmu pengetahuan terhadap seni warisan yang semakin hampir di penghujung hayat ini.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memenuhi tiga pernyataan objektif kajian yang telah disenaraikan. Objektif yang pertama adalah untuk mengkaji asal usul seni warisan Dikir Rebana Kercing di Kampung Laut,

Tumpat, Kelantan. Ini kerana, tidak banyak sumber sekunder yang menceritakan tentang asal-usul Rebana Kercing ini. Oleh demikian kajian ini diadakan untuk menambah lagi bahan rujukan mengenai asal-usul Rebana Kercing.

Objektif kedua pula adalah untuk mengkaji elemen-elemen yang ada dalam seni warisan Dikir Rebana Kercing. Ini kerana, Rebana Kercing merupakan sebuah seni warisan yang amat unik. Persembahan ini dibentuk melalui gabungan-gabungan elemen yang menarik untuk menjayakan sesebuah persembahan.

Bagi objektif ketiga pula adalah untuk mengenalpasti sama ada Dikir Rebana Kercing ini masih dihargai oleh rakyat tempatan atau pun tidak. Ini kerana, Rebana Kercing ini bukanlah sesuatu perkara yang seringkali disebut oleh rakyat tempatan. Oleh itu objektif ini dibangkitkan adalah untuk mengetahui pandangan rakyat Malaysia tentang seni persembahan ini.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalannya ialah bilakah seni warisan Dikir Rebana Kercing di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan ini bertapak? Apakah faktor yang menyebabkan asal usul seni ini di Kelantan. Hal ini kerana, Kelantan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan warisan yang kebanyakannya diadaptasi dari negara-negara luar contohnya tarian Makyong. Tarian ini berasal daripada Thailand dan dibawa masuk ke Kelantan di sekitar tahun 1900 (Astro Awani, 2019). Oleh itu, persoalan yang timbul semasa kajian ini dijalankan adalah dari manakah sebenarnya Dikir Rebana Kercing ini berasal?

Elemen-elemen yang diguna pakai dalam seni warisan Dikir Rebana Kercing juga turut menjadi persoalan. Ini kerana, melalui hasil pembacaan dari sumber-sumber yang ada banyak menceritakan tentang elemen-elemen yang ada di dalam seni persembahan ini yang membuatkan persembahan ini unik dari dikir-dikir yang lain. Oleh itu kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui apakah elemen-elemen yang dimaksudkan?

Persoalan yang terakhir yang akan dibincangkan dalam artikel ini adalah tentang adakah Dikir Rebana Kercing ini masih dihargai oleh rakyat tempatan? Ini kerana, apabila ditanya mengenai seni warisan di negeri

Kelantan, ramai masyarakat akan menyebut tentang seni persembahan yang lebih terkenal dari negeri tersebut seperti Dikir Barat, tarian Makyong dan sebagainya. Namun, tidak ramai yang mengetahui tentang kewujudan Dikir Rebana Kercing Ini.

## KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Seni persembahan dan seni tarian tradisional merupakan satu warisan budaya yang perlu dipelihara. Ini kerana ia merupakan sebuah simbol perpaduan dan identiti sesebuah negara atau negeri tersebut. Dengan adanya warisan seni persembahan dan seni tarian tradisional ini, masyarakat dapat melihat serba sedikit gambaran mengenai kehidupan masyarakat pada zaman dahulu. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini adalah amat penting bagi menceritakan kepada masyarakat mengenai keistimewaan dan keunikan warisan tradisional yang ditinggalkan oleh nenek moyang kita pada masa dahulu. Terdapat banyak kelebihan yang boleh diperolehi jika warisan budaya ini terus dijaga dengan baik.

Menurut Sabzali et al. (n.d) seni warisan budaya seperti seni persembahan dan seni tarian tradisional ini dapat memupuk semangat perpaduan ke dalam diri masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, Kepelbagaiannya kaum yang makmur di Malaysia yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri lebih-lebih lagi dalam aspek seni persembahan dan seni tarian. Selain itu, menjaga warisan budaya ini juga amat penting kerana ia dapat menimbulkan dan memupuk rasa cinta terhadap hasil peninggalan khazanah dan warisan masyarakat terdahulu. Oleh itu, kepentingan penjagaan warisan budaya tradisional ini perlulah dipupuk dalam diri masyarakat pada setiap generasi tanpa mengenal warna kulit, pertuturan, kepercayaan dan taraf seseorang agar keistimewaan warisan budaya ini tidak diabaikan oleh generasi selanjutnya.

Akhbar Sinar Harian (2019) juga menyatakan bahawa antara sumbangan menjaga warisan budaya ini daripada tidak lapuk ditelan zaman ialah dengan mempromosikan Malaysia di mata dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya warisan budaya ini, ia dapat menarik minat masyarakat dari luar negara untuk mendalam kebudayaan yang ada dan secara tidak langsung dapat menunjukkan keunikan budaya yang ada di

Malaysia. Bukan itu sahaja, dengan adanya kajian ini, ia berkemungkinan dapat menarik minat pengkaji-pengkaji dari luar negara untuk mempelajari warisan yang ada di Malaysia. (Mohd Roji, 2020).

## TINJAUAN LITERATUR

Bagi mendalami pemahaman berkaitan seni warisan Rebana Kercing, kajian-kajian lepas telahpun diketengahkan sebagai panduan untuk mencari solusi kepada beberapa persoalan yang perlu dirungkaikan secara lebih mendalam. Berdasarkan maklumat dan informasi yang diperoleh melalui kajian kualitatif yang berbentuk analisa dokumen. Rujukan kajian ini adalah berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan seni warisan Rebana Kercing dengan memfokuskan kepada latar belakang dan sejarah seni warisan Rebana Kercing di negeri Kelantan.

Seperti yang dibincangkan oleh Norihan Hasliza, (2007), dalam tesis beliau yang bertajuk Persembahan Dikir Barat Moden Di Kelantan, beliau menyatakan bahawa dikir itu membawa makna nyanyian yang dilakukan secara berkumpulan diselami dengan suara nyaring yang sesuai dengan irama rentak. Menjadi kebiasaan orang tempatan di Kelantan dengan Dikir Barat ini yang dikatakan asalnya datang daripada ‘Barat’ yang membawa maksud dari luar. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Nor (1992), yang menyatakan bahawa Dikir Barat ini berasal daripada selatan Thailand seperti Patani, Songkhla, Narathiwat dan Yala yang menjadi hiburan rakyat tempatan pada zaman dahulu dimana kini telah pun diadaptasikan oleh penduduk di negeri Kelantan sehingga sekarang.

Kajian mengenai dikir sememangnya menjadi satu daya tarikan utama di negeri Kelantan apabila dikir telah pun mendapat perhatian khusus dalam kalangan media dan juga masyarakat setempat berikutan kejayaan membawa nama dikir itu sendiri sehingga sampai ke peringkat yang tertinggi. Malah, kenyataan ini turut disokong oleh Wan Azmi (2020) yang menyatakan bahawa kejayaan dikir sudah tidak asing lagi berbanding seni warisan yang lain. Nilai kesenian yang menerapkan unsur-unsur peringatan dan nasihat menjadi kunci utama kepada pengaruh dikir dalam menyampaikan sesuatu informasi. Walau bagaimanapun, beliau juga menyatakan bahawa setiap persembahan dikir-dikir yang ada mempunyai daya tarikan yang tesendiri.

Selain itu, kesenian yang wujud di negeri Kelantan juga tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia. Ini kerana ia telah pun menjadi buah mulut orang ramai seperti permainan Wau, tarian Mak Yong, Dikir Barat dan banyak lagi yang mana warisan seni budaya turut menjadi batu loncatan kepada pemasaran industri pelancongan bagi menilai sejauh mana negeri Cik Siti Wan Kembang ini mampu menonjolkan keunikannya yang tersendiri, (Zaharan, 2000). Hal ini dikatakan demikian kerana selain keindahan alam semulajadi, keunikan yang ada di negeri ini perlu dikenangkan agar sesebuah warisan itu mampu dipelihara dan dijaga dengan sebaiknya.

Namun begitu, sejauh manakah seni warisan Rebana Kercing ini dikenali oleh masyarakat di Kelantan mahupun Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Nor Bazura Mohammad (n.d) persembahan Rebana Kercing bukanlah satu warisan yang cukup gah dikenali umum seperti Dikir Barat, tarian Mak Yong dan lain-lain lagi kerana warisan ini tidak dihebahkan dan dipersembahkan secara meluas oleh masyarakat tempatan. Malah peranan media turut tidak mengutarakan seni warisan ini di mana-mana televisyen mahupun platform media kerana lebih mengutamakan seni warisan yang sudah dominan oleh pengetahuan umum. (Shamsuddin, (2001).

Menurut Maziah (2000), Rebana Kercing merupakan satu kegiatan masyarakat tempatan di negeri Kelantan yang mana menumpukan pengekalan warisan daripada keturunan Arab Farsi sebagai penghibur harian. Keadaan ini dapat dilihat dari sudut pakaian persembahan mereka yang menggunakan sayap khas yang terletak pada bahagian belakang. Ini membuktikan bagaimana pengaruh dari Timur Tengah masih dikekalkan sebagai mana yang dipersembahkan masih mengenakan set pakaian yang sama sebagaimana diwariskan sehingga hari ini.

Dari segi penggunaan bahasa pula dapat dilihat bagaimana bahasa Arab Farsi turut menjadi pengekalan yang masih dilihat menjadi elemen utama dalam sesebuah persembahan Rebana Kercing (Mansor, 2012). Malah beliau turut menyatakan bahawa bahasa yang digunakan oleh penduduk Kelantan terutamanya dalam seni Rebana Kercing turut memperlihatkan pengaruh agama Islam yang mana seni kata yang dinyanyikan memperlihatkan maksud kebesaran dan keagungan Islam serta memuji kebesaran Rasulullah SAW.

Malah turut disokong oleh Khairun Nasuha (2020), yang menyatakan bahawa penggunaan bahasa Arab dalam seni kata Rebana Kercing mengisahkan tentang kebesaran Nabi dan bersifat ketuhanan.

Menurut Ainol (2009), Rebana Kercing merupakan satu alat muzik yang dikategorikan sebagai membranfon yang terdiri daripada bingkai bulat. Malah, kenyataan ini turut dipersetujui oleh Wan Azmi yang menyatakan bahawa kayu nangka, kelapa atau pun merbau menjadi bahan utama dalam penghasilan bingkai Rebana Kercing. Yang membezakan Rebana Kercing dengan rebana yang lain ialah, terdapat tiga pasang kercing yang dipasang di sekeliling bingkai yang diperbuat daripada logam dengan cara memukulnya menggunakan paluan pada permukaan tengah. Menurut Mohd Kipli Abdul Rahman et al (2016), rebana ataupun “Tar” bermaksud gendang dalam bahasa Arab. Hal ini menjadi suatu bukti yang kukuh kepada kewujudan rebana kerana Rebana Kercing yang giat di mainkan di Kampung Laut ini asalnya datang daripada Teluk Timur Tengah.

Selain itu, menurut Ali (2001), Rebana Kercing dikatakan berasal daripada Tanah Arab Farsi yang dikenali sebagai Yaman. Kemasukan seni warisan ini berlaku apabila pedagang Arab masuk ke Tanah Melayu dan bertapak di Tumpat, Kelantan dengan tujuan bernesiga sambil menyebarkan Syiar Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, proses penurunan warisan telahpun menyebabkan daya tarikan itu wujud dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini dilihat sebagai langkah yang baik kerana menimbulkan rasa ingin tahu dalam kalangan penduduk setempat. Pernyataan ini turut disokong oleh Mohammad Ruhaizie (n.d), yang menyatakan bahawa pengaruh Islam mempengaruhi masyarakat tempatan di rantau ini sejak abad ke-7 Masihi hasil daripada kedatangan mubaligh pedagang Islam dari Tanah Arab.

## METODOLOGI

Metodologi ialah kaedah atau pendekatan yang digunakan bagi memenuhi objektif dan matlamat kajian. Metodologi menjadi satu titik penolak untuk mendapatkan informasi dengan lebih jelas di mana melalui beberapa kaedah yang digunakan seperti kaedah temu bual berstruktur, tinjauan awal, rujukan bahan arkib dan dengan menggunakan platform yang akan menjadikan kajian ini lebih jelas dan berilmiah. Oleh itu, sepanjang kajian ini

dijalankan, terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan bagi memenuhi objektif tersebut.

### **Temu Bual Berstruktur**

Kajian ini telah menggunakan kaedah temubual yang mana hasil pertemuan bersama tokoh telah dilakukan bagi mendapatkan informasi dan maklumat secara terus. Melalui kaedah temu bual ini, terdapat kelebihan yang dapat diperolehi hasil daripada jawapan yang diberikan oleh tokoh. Antara kelebihan yang diperolehi ialah penelitian terhadap setiap jawapan yang diberikan oleh tokoh akan memperjelaskan setiap persoalan yang masih kabur berkaitan kajian ini. Selain itu, pengesahan secara langsung dapat dilakukan sekiranya terdapat informasi yang masih belum diterbitkan oleh mana-mana pihak sebelum ini. Malah, responden juga mungkin dapat memberikan informasi tambahan yang membolehkan hasil kajian ini menjadi lebih tepat dan terperinci.

### **Tinjauan Awal**

Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji telahpun melakukan tinjauan awal bagi mendapatkan informasi secara umum terlebih dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji ingin mendapatkan serba sedikit maklumat mengenai Rebana Kercing daripada sumber yang sahih sebelum melakukan temubual secara berstruktur yang mampu merungkaikan persoalan kajian secara menyeluruh. Tinjauan awal ini sangat penting dalam sesebuah kajian berikutan langkah ini mampu memberi garis panduan terhadap objektif yang ingin dicapai dengan memberi gambaran awal tentang apa yang bakal dikaji dengan lebih teratur. Keadaan ini dapat dilihat apabila hasil jawapan dan persoalan yang dilakukan mampu menterjemahkan idea baru untuk membuka skop kajian yang lebih luas yang masih belum mampu dilakukan oleh mana-mana kajian sebelum ini.

### **Rujukan Bahan Arkib**

Bagi mendapatkan informasi yang jelas tentang Rebana Kercing, pengkaji juga telah melakukan dapatan kajian hasil daripada rujukan bahan arkib. Hal ini dikatakan demikian kerana rujukan bahan arkib sangat penting

bagi memastikan sumber rujukan itu betul berdasarkan fakta yang sahih. Keadaan ini dilihat sebagai satu langkah yang amat penting bagi merungkai informasi tentang Rebana Kercing ini dapat dikupas dengan lebih mendalam. Dengan adanya rujukan ini, pengkaji mampu mengeluarkan isi-isi penting yang masih tidak dikeluarkan oleh mana-mana pihak tentang seni warisan ini seterusnya mampu menjadi perintis kepada kewujudan informasi baharu yang amat berguna untuk kajian seterusnya dijalankan oleh pengkaji pada masa akan datang.

### **Platform yang Digunakan**

Kaedah temu bual ini dijalankan bagi melengkapkan kajian ini adalah dengan menggunakan platform atas talian iaitu perisian Microsoft Team bagi memastikan perjalanan temu bual ini dapat dijalankan dengan lancar. Ini kerana, permasalahan timbul apabila kajian secara bersemuka bersama tokoh tidak dapat dilakukan berikutan masih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyebabkan alternatif ini perlu digunakan. Keadaan ini agak mencabar berikutan kebolehcapaian akses internet perlu dihadapi bagi melengkapkan kajian dengan jayanya. Selain itu, bagi mendapatkan hasil yang menarik, kajian melalui platform ini memerlukan gajet yang daya kebolehan yang baik seperti resolusi skrin yang cantik di samping alat dengar suara yang jelas dalam memastikan kelancaran kajian ini berjaya dilakukan dengan berkesan.

### **HASIL KAJIAN**

Dalam bahagian ini, dapatan kajian akan dibincangkan bagi menjawab persoalan dan objektif kajian. Dapatan kajian dibahagi kepada tiga bahagian mengikut objektif yang telah di senaraikan iaitu; bahagian pertama akan membincangkan tentang asal-usul Dikir Rebana Kercing di Kelantan. Manakala di bahagian kedua pula akan membincangkan mengenai elemen yang digunakan dalam sebuah persembahan Dikir Rebana Kercing. Bahagian ketiga pula mengenai pandangan masyarakat masa kini tentang seni warisan ini. Ini kerana, melalui hasil kajian ini dapat memastikan penyampaian sesuatu objektif kajian disampaikan secara terus dimana pengumpulan informasi baru disatukan.

### **Asal-usul Seni Warisan Dikir Rebana Kercing**

Bahagian ini menerangkan bagaimana asal-usul seni warisan Dikir Rebana Kercing mula bertapak di Tanah Melayu. Selepas kajian temubual dijalankan, terdapat pendedahan tentang susur-galur seni warisan ini berjaya bertapak di Tumpat, Kelantan.

Setiap kewujudan sesuatu benda itu pasti ada jalan ceritanya yang tersendiri yang mana kajian mendapati Rebana Kercing ini berasal daripada tanah Arab Farsi yang telah pun dikenali dunia sebagai Yaman pada hari ini. Dikatakan kedatangan pedagang Arab ke Tanah Melayu sejak 150 tahun dahulu yang mana kedatangan mereka adalah bagi melakukan aktiviti perdagangan di samping menyebarkan Syiar Islam. Kedatangan mereka dikatakan dengan menggunakan jalan air berikutnya pada masa itu aktiviti perdagangan hanya dapat dilakukan dengan menggunakan kapal dan perahu.

Malah, kedatangan mereka tidak hanya berfokuskan kepada aktiviti perdagangan semata-mata di mana mereka telah membina masjid di Kampung Laut yang dulunya menjadi pusat penyebaran Islam disamping berfungsi sebagai sebagai tempat perkumpulan masyarakat tempatan bagi menyaksikan persembahan dan latihan Rebana Kercing dilakukan oleh pedagang Arab Farsi. Hal ini secara tidak langsung telah menarik minat masyarakat tempatan untuk mengenali dengan lebih dekat dengan keunikan yang ada pada Rebana Kercing ini. Keadaan ini menyebabkan Rebana Kercing ini tidak hanya menjadi hiburan semata-mata malah turut menjadi madah bagi menarik masyarakat tempatan untuk turut sama menganut agama Islam sebagai panduan hidup yang sebenar.


### **Elemen-elemen yang ada dalam Seni Warisan Dikir Rebana Kercing**

Bahagian ini membincangkan mengenai elemen-elemen yang ada dalam seni warisan Dikir Rebana Kercing. Selepas menjalankan temu bual bersama Encik Wan Azmi Bin Mohd Noor, elemen-elemen yang ada dalam seni warisan Dikir Rebana Kercing ini mempunyai tiga elemen penting bagi menyempurnakan sesebuah persembahan. Elemen-elemen tersebut ialah lagu, tarian dan paluan rebana kercing itu sendiri.

### a) Lagu

Lagu merupakan antara elemen yang penting dalam persembahan Dikir Rebana Kercing ini. Lagu yang digunakan dalam persembahan Rebana Kercing ini dikatakan menggunakan bahasa Arab secara keseluruhannya. Ini kerana, persembahan ini dibawa daripada negara Timur Tengah oleh pedagang Arab yang bertapak di negeri Kelantan pada ratusan tahun terdahulu. Oleh itu, kesemua lagu-lagu Rebana Kercing ini bersifat keagamaan di mana ia mengisarkan tentang memuji kebesaran Allah S.W.T dan mengisahkan perjuangan para nabi.

Selain itu, persembahan ini dikatakan mempunyai lima puluh lapan buah lagu yang diturunkan dari generasi ke generasi secara lisan dan tidak direkodkan. Hal ini telah menyebabkan hanya dua puluh lima buah lagu sahaja yang berjaya dikesan. Perkara ini amat membimbangkan para penggiat seni Rebana Kercing ini kerana saban hari lagu-lagu ini akan pupus ditelan zaman. Ini kerana, tidak ada pihak yang sudi mengambil bahagian untuk menyalin atau merakamkan lagu-lagu tersebut dan usaha untuk menterjemahkan lagu-lagu ini dalam bahasa Melayu juga tidak pernah dilakukan. Namun, bagi mengelakkan lagu ini hilang dari ingatan masyarakat, Wan Azmi telah mengambil inisiatif untuk merekodkan semua lagu yang berjaya dikesan itu didalam pita perakam dan cakera padat. Selain itu, beliau juga telah menyalin kesemua lirik lagu tersebut dalam sebuah buku.



Gambar 2: Buku lirik lagu (Hasil Sumbangan Tokoh)

**b) Tarian**

Tarian merupakan elemen kedua yang terpenting dalam seni persembahan Dikir Rebana Kercing. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Empat (2005), tarian ialah pergerakan anggota badan termasuk dari kaki sehingga tangan dengan mengikut irama atau rentak lagu. Di Malaysia, terdapat pelbagai tarian tradisional. Antaranya ialah tarian Sumazau yang terkenal di Sabah, tarian Zapin dari Johor, tarian Ngajat dari Sarawak dan bermacam-macam lagi. Setiap tarian tradisional ini mempunyai kisah dan ceritanya yang tersendiri.

Bagi dikir Rebana Kercing, tarian juga merupakan sebuah elemen yang penting didalam sesebuah persembahan. Ini kerana tarian merupakan sebuah lambang keindahan bagi persembahan dikir Rebana Kercing. Dalam persembahan, hanya kanak-kanak sahaja yang menjadi penari. Tarian yang dipersembahkan dalam seni persembahan ini merupakan tarian rakyat yang bersifat vernakular, biasanya rekreatif, ungkapan budaya masa lalu atau sekarang. (Kealiinohomoku, n.d).

Menurut Encik Wan Azmi Bin Mohd Noor (2020), tarian yang dipersembahkan oleh penari-penari banyak menggambarkan elemen-elemen alam dan ciptaan Tuhan. Wan Azmi juga menyatakan bahawa terdapat pelbagai elemen alam yang diselitkan di dalam persembahan ini contohnya haiwan seperti rama-rama dan naga. Manakala elemen dari segi tumbuh-tumbuhan juga ada diselitkan di dalam persembahan contohnya pokok dan padi. Kesemua elemen ini mempunyai maksudnya yang tersendiri. Sebagai contoh, padi menggambarkan pekerjaan utama masyarakat pada zaman dahulu. Ini kerana, kegiatan pertanian merupakan sektor ekonomi utama rakyat pada masa dahulu. Menurut beliau lagi, lenggok tari persembahan ini mementingkan kelembutan dan kesopanan. Jumlah penari yang diperlukan dalam sesebuah persembahan adalah seramai tujuh hingga dua belas orang



Gambar 2: Para penari (Hasil Sumbangan Tokoh)

### c) Alat Muzik

Elemen ketiga yang penting dalam seni persembahan Dikir Rebana Kercing ini ialah peralatan muzik yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu bunyi atau irama. Irama yang dihasilkan oleh sesebuah alat muzik itu menjadi suatu pemanis di dalam sesebuah seni persembahan. Alunan irama yang dihasilkan oleh sesebuah alat muzik itu menghasilkan bunyi yang berbeza-beza berdasarkan alatan yang digunakan.

Terdapat pelbagai alat muzik tradisional di negara kita contohnya seperti ghazal, gong, angklung, seruling dan sebagainya. Kesemua alatan muzik ini mempunyai daya tarikannya yang tersendiri. Namun, didalam seni persembahan Dikir Rebana Kercing ini, alat muzik yang digunakan hanyalah satu iaitu Rebana Kercing itu sendiri. Seperti yang telah dinyatakan, rebana bermaksud gendang yang dipasang dengan kulit haiwan di sebelah bahagian sahaja manakala kering merujuk kepada tembaga yang mengelilingi rebana tersebut. Permukaan rebana atau belulang ini biasanya dihasilkan dengan menggunakan kulit haiwan. Menurut Nurhanis dan Muhammad (2016), terdapat dua jenis belulang iaitu belulang lembu dan kambing yang biasanya digunakan dalam pembuatan kompong dan rebana. Ia merupakan komponen yang penting dalam sektor pembuatan alat muzik tersebut.

Hasil temubual bersama Encik Wan Azmi Bin Mohd Noor (2020) mendapati belulang yang dihasilkan dengan menggunakan kulit kambing betina menghasilkan bunyi yang berbeza berbanding dengan kambing

jantan. Menurut beliau, bunyi paluan rebana yang dihasilkan menggunakan kulit kambing betina menghasilkan bunyi yang lebih sedap didengar. Bagi bahagian bingkainya pula, batang pokok nangka telah menjadi pilihan. Ini kerana bingkai yang diperbuat daripada batang pokok nangka lebih kuat jika dibandingkan dengan kayu-kayu lain. Selain itu, bahagian kercing yang dihasilkan daripada tembaga ini telah menghasilkan bunyi seakan-akan bunyi loceng. Selain itu, jumlah pemain Rebana Kercing ini memerlukan lapan hingga sepuluh orang dewasa sebagai pemalu rebana. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa bunyi yang dihasilkan oleh Rebana Kercing ini mempunyai daya tarikannya yang tersendiri.



Gambar 3: Rebana Kercing Rasmi Persatuan Rebana Kercing Kampung Laut  
(Hasil Sumbangan Tokoh)

### Pandangan masyarakat kini mengenai Rebana Kercing

Bahagian ini akan membincangkan tentang pandangan masyarakat masa kini mengenai seni warisan persembahan dikir rebana kercing. Hasil temubual bersama Encik Wan Azmi Bin Mohd Noor mendapat seni warisan Rebana Kercing semakin lama semakin dilupakan, semakin lusuh ditelan zaman dan tiada dalam ingatan masyarakat pada masa kini.

Hal ini amat membimbangkan kerana Rebana Kercing di Kampung Laut merupakan satu-satunya persatuan yang giat memainkan rebana yang masih ada di Kelantan mahupun Malaysia. Beliau juga menyatakan bahawa seni persembahan ini tidak mendapat perhatian masyarakat seperti zaman dulu kala dimana dahulunya persembahan Rebana Kercing ini giat dimainkan di mana-mana

peristiwa dan majlis besar-besaran seperti majlis sambutan hari Keputeraan Sultan. Kini ia lebih terarah kepada majlis keramaian sahaja.

Selain itu, akhbar Harian Metro (2015) juga menyatakan bahawa kewujudan muzik moden juga telah menjadi punca seni warisan tradisional dilupakan. Muzik moden seperti R&B, hip hop, K-pop dan sebagainya, telah menjadi punca generasi pada masa kini tidak lagi tertarik dengan seni persembahan tradisional. Oleh itu, pelbagai langkah perlu diambil oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan lagi seni persembahan tradisional ini agar ianya tak hilang ditelan arus permodenan.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, Dikir Rebana Kercing ini mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri jika dibandingkan dengan dikir-dikir yang lain. Namun jika tidak dijaga dengan baik, ia mungkin hilang ditelan zaman. Oleh itu, seni persembahan dan seni tarian tradisional ini hendaklah dipelihara dengan baik kerana, ia merupakan sebuah simbol perpaduan dan identiti ikonik di negeri Cik Siti Wan Kembang. Sejarah lisan merupakan sebuah medium yang sesuai untuk merekodkan tentang sejarah dan keistimewaan seni persembahan dan seni tarian tersebut. Harapannya kajian ini dapat membantu dan menarik minat para pengkaji dan generasi hari ini dan akan datang untuk lebih mendalami dan menghayati seni warisan Rebana Kercing yang ditinggalkan oleh nenek moyang pada masa dahulu. Selain itu, dengan adanya kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan sektor pelancongan negara dan dapat mempromosikan seni persembahan tradisional Malaysia ini di mata dunia.

## **RUJUKAN**

Abd Rahman & Norihan Hasliza. (2007). Persembahan Dikir Barat Moden Di Kelantan. Projek pelajar yang tidak diterbitkan.

Abdullah, A. R. (1970). Pengaruh Islam kepada Kebudayaan. Dicapai daripada  
<https://maruwiah.com/category/artikel/pengaruhislamkepada-kebudayaan/>

Abdullah, M.Z. (2000). Rebana Kercing Tradisi Kesenian Islam di Kelantan.

Ali, M.(2001). Rebana Kercing Warisan Kelantan 21 (XXI). *Perbadanan Warisan Kelantan* Dicapai daripada

<http://digitalkelantancollection.umk.edu.my/koleksikelantan/items/show/335>

Amir, N. (2016). Hubungan Tasawuf Dengan Musik Spiritual (Assamā'). (Meneropong Kedalaman Sejarah, Sebagai Fenomena Mistisisme Spiritual), *Jurnal Akhlak dan Tasawuf* 2(2), 527-545.

Azizol, A. (2009). Rebana (Alat Muzik Tradisional Melayu). Dicapai daripada <http://Ainolnaim.Blogspot.Com/2009/>

Belia pelihara muzik tradisional. (2015, August 3). *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/node/67963>

Budaya. (2005) Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Dicapai daripada <https://Prpm.Dbp.Gov.My/Cari1?Keyword=Budaya>

Hussain, Z. (2000). Warisan Seni Budaya Dan Pelancongan Negeri Kelantan. *Warisan Seni Budaya Dan Pelancongan Negeri Kelantan*, 1, 1-19.

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara. (n.d). Dikir Rebana. Dicapai daripada <http://Www.Jkkn.Gov.My/En/Dikir-Rebana-0>

Khairun, N. (2020). Asal-usul rebana kering (Master'sthesis, University Malaysia Kelantan, (pp. 1-15). Kota Bharu: University Malaysia Kelantan.

Mak Yong muncul semula di Kelantan selepas 28 tahun. (2019), *Astro Awani* Dicapai daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/218147>

Mohamad Nor Yatim. (1992). Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Mohamed, R. K., & Paramasivan, N. A. (2020). Realiti Sosial Dalam Novel 'Orang Kota Bharu', 5(1), 173-179.

Mohd Kipli Abdul Rahman, Clare Chan Suet Ching, Zaharul Lailiddin Saidon, Christine Augustine, & Muhammad Fazli Taib Saearani. (2016). Empowering Society: Transdisciplinary Research In The Performing Arts. Second International Music And Performing Arts Conference (Impac). Dicapai daripada [http://Impac2018.Upsi.Edu.My/Images/Prosiding\\_Impac2016.Pdf](http://Impac2018.Upsi.Edu.My/Images/Prosiding_Impac2016.Pdf)

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Norhayati Haji Hamzah. (2018). Perkembangan Islam Di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskrip Sejarah Negeri Kelantan. *Jurnal Al-Tamaddun* 13(2), 133-147. Dicapai daripada <https://doi.org/10.22452/JAT.vol13no2.12>

Mustapha, N. (1998). Dikir Barat Seni Budaya Kelantan. Dicapai daripada <http://NkM.blogspot.com/1998/06/>

Nervyn, F. (2010) Nilai-Nilai Budaya Kaum Semakin Dipinggirkan. *Borneo Post Online*. Dicapai daripada <https://Www.Theborneopost.Com/2010/07/26/Nilai-Nilai-Budaya-Kaum-Semakin-Dipinggirkan/>

Nur Hazirah & Ros Mahwati Ahmad Zakaria, R. M. (2020). Pelestarian Permainan Muzik Kertuk Dalam Kalangan Penduduk Di Negeri Kelantan *International Journal Of The Malay World And Civilisation* 8(2), 11-18. Doi:10.17576-2020-0802-02

Nurhanis Hazry & Muhammad Fauzi Samsudin. (2016, April). Kompang x-ray lebih nyaring. *Berita Harian*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/04/139685/kompang-x-ray-lebih-nyaring>

Rahim, A.S. (2001). Media Dan Identiti Budaya: Cabaran Media Terhadap Masyarakat Malaysia Di Alaf Ke-21. (Kertas kerja di Simposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Rebana. (2015). Kamus Pelajar Edisi Kedua. Dicapai daripada <https://Prpm.DbP.Gov.My/Cari1?Keyword=Rebana>

Ruhaizie, M. (n.d.). Islam mempengaruhi kebudayaan di Malaysia. Dicapai daripada <http://mohdruhaizie.com/hs223/ctu551/ctu551-2010282848-esei-02-laporan.pdf>

Sabzali Musa Kahn, Effendi Shamsuddin & Nik Nairan Abdullah. (n.d.) Mendepani Seni Warisan Dan Kreatif Dalam Mencapai Satu Gagasan Melayu Di Nusantara. Dicapai daripada [https://UmExpert.Um.Edu.My/Public\\_View.Php?Type=Publication&Row=Mtgyodk%3D](https://UmExpert.Um.Edu.My/Public_View.Php?Type=Publication&Row=Mtgyodk%3D)

Tarian Satukan Malaysia (2019, September 16) *Sinar Harian*. Dicapai daripada <https://Www.Sinarharian.Com.My/Article/48032/Pilihan-Editor/Tarian-Satukan-Malaysia>

Wan Azmi Bin Mohd Noor ( 20 Disember 2020), Temubual Berstruktur.

Warisan. (2005), Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Dicapai daripada <https://Prpm.DbP.Gov.My/Cari1?Keyword=Warisan&d=176312&>